

19/10/1999

Negeri Sembilan dapat manfaat F1

M Noh Senan

PORT DICKSON, Isnin - Pelbagai pihak, termasuk pengusaha pelancongan terutama di negeri, mendapat manfaat dengan penganjuran pertandingan Grand Prix Formula Satu Malaysia Petronas di Sepang, semalam.

Mengucapkan terima kasih kerajaan negeri kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, acara itu dapat menyemarakkan semangat rakyat untuk terus menyokong penganjuran acara sukan bertaraf dunia itu yang diadakan pada tahun depan, termasuk perlumbaan motosikal dunia April depan di sirkit sama.

"Oleh kerana Litar Antarabangsa F1 Sepang (SIC) itu berdekatan dengan negeri ini, pengusaha pelancong di sini dan Seremban turut menerima nikmat daripada grand prix itu kerana ada penyokong serta peminat turut tinggal di hotel atau pusat peranginan mereka.

"Ini menunjukkan litar berkenaan mendatangkan faedah kepada semua pihak, termasuk penduduk yang pertama kali menyaksikannya sama ada di sana atau menerusi televisyen," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melakukan upacara pecah tanah pelaksanaan projek pelancongan fasa dua di Teluk Kemang, di sini hari ini.

Katanya, acara sukan bertaraf dunia itu sebenarnya dapat membangkitkan semangat kepada generasi muda untuk menanamkan impian menjadi pelumba F1 masa depan negara.

Selain itu, katanya kerajaan negeri menggalakkan mereka menceburkan diri dalam kegiatan 'go-kart' sebagai permulaan dengan kemudahan kini disediakan di sini dan Seremban oleh kelab atau sektor swasta.

Mohd Isa berkata, rakyat seharusnya bersyukur kerana Malaysia mampu menunjukkan kemampuannya menganjurkan grand prix peringkat antarabangsa itu.

"Jelaslah litar yang diiktiraf oleh semua pelumba, pengurus dan Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) sebagai yang terbaik di dunia tidak membazir, sebaliknya menjadi kebanggaan rakyat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Menteri Besar yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri berkata, BN negeri akan hanya menyediakan senarai calon parti komponen yang bertanding sebaik saja mendapat lampu hijau daripada pucuk pimpinan.

"Tak perlulah kita hebohkan mengenai siapa yang bertanding atau sebaliknya, tetapi tumpulah perhatian terhadap persiapan jentera pilihan raya bagi menjamin kemenangan besar BN," katanya.

(END)